

SPRM dedah rakaman didakwa konspirasi

9 set perbualan 45 minit Najib dengan beberapa individu kait skandal 1MDB

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mendedahkan sembilan set rakaman perbualan selama 45 minit dalam apa yang disifatkan sebagai konspirasi jenayah tertinggi dan ancaman kepada keselamatan negara.

Pada sidang media khas, di sini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, memperdengarkan klip audio berkisar perbualan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dengan berapa individu berkaitan kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd.

"Kami telah diberikan rakaman itu...selaras dengan penyiasatan, kami dapat mengesahkan kesahihan mutlak rakaman berkenaan.

"Kandungannya mengejutkan, ia adalah untuk menyembunyikan (perbuatan jenayah) dan subversif keadilan....demi kepentingan awam, kami mendedahkan kepada umum kandungannya," katanya.

Latheefa menegaskan, semua rakaman percakapan yang didedahkan itu diperolehi badan antirasuah itu pada awal tahun ini daripada entiti yang tidak didedahkan.

Dalam sidang media itu, Latheefa menamakan lapan individu yang terbabit dalam rakaman perbualan itu, antaranya Najib dengan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, dengan bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad, Putera Mahkota Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan dan Ketua Eksekutif Mubadala Development Company (MDC), Khaldoon Al-Mubarak.

Rakaman lain antara Dzulkipli dengan bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) yang juga Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, Najib dengan bekas pegawai khasnya, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin dan Dzulkipli dengan bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh.

Semua rakaman itu berlaku antara 5 Januari 2016 hingga 29 Julai 2016.

Latheefa menjelaskan, perbincangan antara individu dalam rakaman terbabit menunjukkan wujud elemen konspirasi jenayah, pecah amanah, salah guna kuasa, pendedahan maklumat sulit kerajaan, cubaan memalsukan bukti, dokumen dan ancaman kepada keselamatan negara.

"SPRM akan menyerahkan semua rakaman perbualan kepada polis untuk siasatan lanjut.

"Dalam episod kotor pengkhia-



Latheefa pada sidang media khas berhubung dakwaan pembocoran rahsia kerajaan dan konspirasi jenayah peringkat tertinggi di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, semalam. (Foto Ahmad Irham Mohd Noor /BH)

natan kepercayaan awam dan jenayah ini, kita boleh bersyukur kerana ada seorang penjawat awam berani yang tahu tentang tugasnya, iaitu Tan Sri Abu Kassim Mohamed," katanya.

Abu Kassim adalah Ketua Pesuruhjaya SPRM ketika perbualan telefon itu didakwa berlaku. Beliau digantikan oleh Dzulkipli pada 1 Ogos 2016.

Perbualan telefon itu juga berkisar bagaimana Dzulkipli yang ketika itu Timbalan Pendakwa Raya (DPP) di Jabatan Peguam Negara, membocorkan maklumat dalam kertas siasatan kes SRC kepada

Najib dan Abdul Azeez.

Dzulkipli didengari berkata beliau Peguam Negara ketika itu, Tan Sri Mohamed Apandi Ali boleh menguruskan isu perundangan membabitkan siasatan 1MDB.

Dalam rakaman Najib dengan Sheikh Mohammed Zayed pula, Najib mahu mengadakan pertemuan dengannya bagi mengatasi krisis yang tercetus susulan pendedahan Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat berhubung skandal 1MDB, selain meminta anak tirinya, Riza Shahriz Abdul Aziz diselamatkan daripada terpalit dalam skandal itu.

Najib dalam perbualan itu membuat permohonan peribadi agar UAE menguruskan dokumen perjanjian pinjaman antara Riza dengan Timbalan Perdana Menteri negara itu, Sheikh Mansour Zayed Al-Nahyan agar ia dilihat sebagai penyaluran wang secara sah kepada Riza.

Najib juga menekankan, sekiranya isu itu tidak diselesaikan segera ia boleh memalukan Kerajaan Malaysia dan UAE.

Dalam perbualan telefon antara Najib dan Rosmah, isterinya didengar memberi beberapa arahan termasuk meninggikan suara kepada suaminya agar bertindak segera menyelesaikan isu 1MDB, selain meminta Najib menjemput Khaldoon Al-Mubarak ke rumah

mereka untuk berbincang lebih lanjut.

"Boleh tak saya nasihat kamu. Darling, you are the prime minister, you have to take control. You have goons around to advise you (Darling, kamu perdana menteri, kamu mesti kawal keadaan. Kamu di sekelilingi penasihat yang dungu)."

Bekas Perdana Menteri dalam perbualan itu mengesahkan sudah menandatangani surat pelantikan Dzulkipli sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu menggantikan Abu Kassim.

Rakaman suara terakhir membabitkan Najib dan bekas pegawai khasnya, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin mengenai keengganan Khaldoon Al-Mubarak bertemu Najib kerana khuatir ia akan diketahui umum.

Sementara itu, Latheefa ketika ditanya sama ada pendedahan rakaman itu akan menjejaskan kes mahkamah yang sedang berjalan yang membabitkan Najib, Latheefa berkata: "Saya tidak melihat bagaimana ia akan menjejaskan (perbicaraan).

"Apa yang kita pentingkan ialah ini melibatkan kepentingan awam dan keselamatan negara yang serius. Jadi saya tidak melihat bagaimana ia tidak boleh dikongsi (dengan orang awam) dan memudaratkan kes-kes yang sedang berjalan," katanya.

Kandungannya mengejutkan, ia adalah untuk menyembunyikan (perbuatan jenayah) dan subversif keadilan....demi kepentingan awam, kami mendedahkan kepada umum kandungannya.

Latheefa Koya,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan



Dzulkipli Ahmad



Shukry Mohd Salleh



Amhari Efendi Nazaruddin



Abdul Azeez Abdul Rahim